



کمنتريِن سومبرِ۲ اوتام دان قلنچوغن

**MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**SIDANG MEDIA BAGI
BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION (MYCE) 2021**

29^{HB} APRIL 2021, KHAMIS

**DEWAN SETIA PAHLAWAN
KEMENTERIAN SUMER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**



کمنتريِن سومبرِ۲ اوتام دان قلنچوغن
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

SIDANG MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION (MYCE) 2021
29^{HB} APRIL 2021, KHAMIS

DEWAN SETIA PAHLAWAN
KEMENTERIAN SUMER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

1. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan akan menganjurkan acara **Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2021 (Brunei MYCE 2021)** bermula pada hari **1hb Jun hingga 30hb Jun 2021**, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, ICC, Berakas.
2. Satu sidang media telah diadakan bagi mengongsikan mengenai Acara Brunei MYCE 2021, yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Brunei MYCE 2021.
3. Turut hadir sebagai panelist di dalam sidang media berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Tenaga dan Penolong Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) selaku Setiausaha-Setiausaha Bersama Jawatankuasa Brunei MYCE 2021 dan wakil; serta Pengarah Urusan Syarikat Cityneon Displays and Construction Sdn Bhd selaku penganjur bagi acara pameran sempena Brunei MYCE 2021.
4. Brunei MYCE 2021 **memfokuskan kepada kepada acara-acara persidangan dan pameran atau ekspo yang menghimpunkan pakar-pakar dan *key players* dari dalam dan luar negara khususnya dalam bidang Islamik, Perhutanan, Tenaga dan Teknologi Digital.**

5. Penganjuran acara Brunei MYCE 2021 merupakan salah satu inisiatif bagi mencapai matlamat strategik Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk **menarik pasaran pelancongan MICE (*Meetings, Incentives, Conferences and Events*) khususnya 'business travellers' ke Negara Brunei Darussalam**. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penularan Wabak Covid-19 ketika ini, maka acara Brunei MYCE pada tahun 2021 ini akan lebih memfokuskan kepada audien / peserta tempatan dan menjemput pembentang / pakar-pakar antarabangsa secara maya (virtual) sahaja.
6. Objektif utama Brunei MYCE 2021 adalah untuk memperkenalkan produk pelancongan yang **berbentuk perkongsian ilmu, percambahan fikiran, pemberigaan penemuan-penemuan baharu dalam pelbagai bidang dan peningkatan aktiviti 'networking' dan perniagaan di kalangan para ilmuwan dan para pengusaha dari dalam dan luar negara, yang mana diharap dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)**. Melalui penglibatan pembentang dan peserta dari dalam dan luar negara, maka inisiatif ini adalah selaras dengan visi Jabatan Kemajuan Pelancongan, iaitu untuk meningkatkan jumlah pelancong dan menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti-aktiviti perekonomian termasuk perhotelan, penerbangan, restoran, pengangkutan dan seumpamanya.
7. Sebanyak empat (4) tema telah dikenalpasti untuk dijadikan fokus utama Brunei MYCE 2021. Pada **minggu pertama, aktiviti seminar memberikan fokus kepada tema Islamik**, manakala pada **minggu kedua tema seminar ialah berkenaan dengan Perhutanan**, **minggu ketiga memberi fokus kepada Teknologi Digital**, dan **minggu keempat akan dikhususkan bagi seminar bertemakan Tenaga**.
8. Keempat-empat tema berkenaan dipilih berdasarkan kepada kekuatan (strengths) dan peluang (opportunities) yang dimiliki oleh Negara ini, iaitu:-
 - i. **Islamik**

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang mengamalkan dan menitikberatkan ajaran-ajaran Agama Islam di dalam Sistem Pentadbiran Negara, yang mana turut memainkan peranan penting dalam membentuk budaya dan cara hidup masyarakat di Negara ini, maka tema yang berkisar dengan ajaran agama Islam akan diketengahkan dalam Brunei MYCE 2021. Peneraju utama di bawah tema ini ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dan Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF).
 - ii. **Perhutanan**

Negara Brunei Darussalam yang merupakan sebuah negara hutan hujan tropika yang masih diliputi lebih kurang 70 peratus oleh hutan yang kaya dengan biodiversiti fauna dan flora memberikan Negara ini kelebihan dari

segi pengalaman dan jua kepakaran dalam bidang tersebut. Tema yang berkisar dengan perhutanan akan dapat menarik ramai peserta dan pembentang sama ada dari dalam atau luar negara, termasuk Non-Governmental Organizations (NGOs). Peneraju utama bagi tema ini ialah Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Sekretariat Perubahan Iklim Brunei di bawah Kementerian Pembangunan.

iii. Tenaga

Melihat kepada pencapaian Negara dalam sektor minyak dan gas selama lebih 90 tahun yang mana memberikan Negara ini kelebihan di segi pengalaman dan kepakaran teknikal antaranya dalam bidang penerokaan (exploration), penggerudian dan pengekstrakan (drilling and extraction), pemprosesan dan pengeluaran minyak dan gas. Selain dari itu, banyak yang boleh dikongsikan dan dipelajari di segi cabaran dan strategi Negara-Negara pengeluar minyak dan gas ke arah pembangunan sumber tenaga yang bersih dan mampan. Peneraju utama bagi tema ini ialah Kementerian Tenaga dengan kerjasama Brunei Shell Joint Ventures (BSJV) dan syarikat-syarikat lain di dalam sektor tenaga.

iv. Teknologi Digital

Revolusi Industri 4.0 bukan sahaja mempengaruhi gaya hidup masyarakat tetapi juga membuka banyak peluang bagi para pengusaha. Seajar dengan usaha Negara ke arah transformasi digital, penekanan harus diberikan kepada pembudayaan / penggunaan teknologi digital di kalangan komuniti serta mempromosikan peluang-peluang perniagaan di dalam sektor teknologi digital. Peneraju utama bagi tema ini ialah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dengan kerjasama beberapa syarikat di dalam sektor Info-Communication Technology (ICT).

9. Beberapa pengisian telah dirancang bagi acara persidangan dan seminar setakat ini antaranya:

- i. Forum bertajuk '**Pemeriksaan Wakaf ke arah Pembangunan Ummah**' anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU);
- ii. **Persidangan Pemeriksaan Zakat ke arah Pembangunan Ummah**, anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB);
- iii. '**International Conference on Islam in Malay World (ICON-IMAD X)**' anjuran bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati, Bandung (Republik Indonesia); Universiti Malaya (Malaysia) dan Prince of Songkla University (Thailand);
- iv. Forum bertajuk '**Brunei Darussalam Islamic Capital Market Forum**' (**BICAM**) anjuran bersama Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF);
- v. Persidangan bertajuk '**Forests and Its Biodiversity: Unveiling Its Economic Potential**' anjuran Jabatan Perhutanan dan Brunei Climate Change Secretariat (BCCS);

- vi. Forum bertajuk '**Smart Nation through Digital Transformation**' anjuran Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); dan
- vii. **Decommissioning and Restoration Conference** anjuran bersama Kementerian Tenaga dengan Brunei Shell Joint Ventures (BSJV).

Acara **pameran dan ekspo** juga akan diadakan sepanjang Brunei MYCE 2021 yang mana Syarikat Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd telah dilantik bagi pengendalian ekspo tersebut. Konsep dan pengisian pameran dan ekspo ini akan diselaraskan dengan tema persidangan dan seminar yang telah dijadualkan sepanjang Brunei MYCE 2021. Selain dari pameran dan aktiviti jualan, pelbagai program dan aktiviti menarik yang berbentuk interaktif akan diadakan bagi pengunjung, antaranya theme park dan photobooth, VR Simulation, DIY solar kit workshop, aktiviti mewarna, DIY Terrarium, program Tarbiyyah dan lain-lain aktiviti bagi dewasa dan kanak-kanak. Kemudahan bus shuttle akan disediakan sepanjang acara.

10. Pengendalian acara-acara di bawah Brunei MYCE 2021 ini akan melibatkan kerjasama bukan sahaja dari Agensi Kerajaan yang berkenaan, akan tetapi juga Agensi Swasta; Badan-Badan Berkanun (*Statutory Bodies*), *Government Linked Companies* (GLCs); lain-lain Institusi Bukan Kerajaan (NGOs); Institusi Pengajian Tinggi [(Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Institusi Luar Negara; Event Organizer, Syarikat-Syarikat Tempatan dan Antarabangsa termasuk Para Pengusaha Kecil dan Sederhana (Small and Medium-Sized Enterprises - SMEs) dan lain-lain.
11. Pihak penganjur juga akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan (MOH) dan pihak Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) bagi memastikan semua pihak yang terlibat di dalam pengendalian acara ini termasuk para pengunjung mematuhi langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 sepertimana yang digariskan di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (MOH). Ini termasuk menjalankan pemeriksaan suhu badan, mengamalkan pembersihan tangan, melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan sanitasi serta mengamalkan penjarakan fizikal dan sosial. Para pengunjung juga adalah dikehendaki untuk mengimbas Kod QR *Bruhealth* di pintu-pintu masuk utama dan mana- mana peserta atau pengunjung yang demam atau mengalami tanda-tanda jangkitan adalah disarankan untuk tidak menghadiri seminar dan pameran itu nanti. Pihak penganjur akan sentiasa menyelaras dengan pihak Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa bagi memastikan segala saranan dan prosedur sentiasa dipatuhi.
12. Maklumat lanjut mengenai Brunei MYCE 2021 bolehlah diperolehi melalui laman sesawang <https://www.bruneitourism.com/brunei-myce/> dan akaun Instagram @bruneimyce.

-tamat-